

UNISEL terus lahirkan profesional fotografi


Oleh Shahril Azman Mohd Zain 4 Ogos 2022, 10:00 am



Pelajar Diploma Fotografi UNISEL Batch DP39 bersama tenaga pengajar

Minggu lepas saya berkesempatan ke Visual Art Exhibition Showcase (VEX 2022) di Galeri VAD, Fakulti Komunikasi Seni Visual dan Pengkomputeran, bagi melihat sendiri hasil kerja pelajar tahun akhir bagi pengajian Diploma Teknologi Fotografi (batch DP39).

Unisel telah berjaya menghasilkan sebanyak 600 lepasan pelajar Fotografi bagi mengisi permintaan tenaga kerja profesional fotografi. Seramai 11 pelajar akhir perlu menghasilkan empat tugas di bawah subjek Pengiklanan, Fesyen, Foto Kewartawanan dan Seni Halus Fotografi.



Gabungan grafik dan foto menghasilkan hasil yang kemas oleh Wan Siti Khairunisa. Di samping itu pada bulan pertengahan Julai pelajar telah melakukan selaman skuba di bawah selian pensyarah mereka, Nazrul Azha Abu Hasan bagi menghasilkan gambar dalam air (*underwater photography*) di Pulau Tenggol, Terengganu. Pelajar perlu memilih hasil bidikan terbaik untuk dipamerkan pada pameran akhir mereka.

Menurut Ketua Jabatan Seni Visual UNISEL, Nur Shazleen Md Yusof, Diploma Teknologi Fotografi UNISEL antara universiti yang masih mewajibkan pelajar mempelajari dan mampu memproses penghasilan gambar hitam putih secara asas.



Fotografi komersil makanan oleh Aina Zulhaira.

Pelajar didedahkan dengan kemahiran menghasilkan gambar secara analog dan memproses mengikut urutan sehingga menghasilkan gambar hitam putih. Salah seorang pelajarnya, Ahmad Asyraf gembira dan terharu berjaya menamatkan tugas yang diberi. Beliau cenderung menghasilkan gambar

kewartawanan foto kerana sukakan cabaran bertugas di lapangan. Fesyen potret yang dibidik oleh Nurul Syazwina

Nurul Syazwina, pula menghadapi cabaran dari segi kewangan dan masa bagi menghasilkan tugas akhir beliau, beliau bangga dapat melakukan setiap tugas seperti yang diharapkan oleh tenaga pengajar. Hasil Karya pelajar telah dinilai oleh pensyarah dan daripada penilai luar iaitu Zainal Abdul Halim bekas jurufoto agensi berpengalaman.